



ISU SEMASA

- Bicara ALK KOPLIT
- Info / Perkhidmatan KOPLIT
- Keanggotaan KOPLIT
- Sumbangan Kebajikan
- Tazkirah
- Mesyuarat Agung Perwakilan Kali ke 33
- Catatan Duyufurrahman

BICARA ALK KOPLIT



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat-Nya, kita dapat bertemu kembali dalam HEBAHAN KOPLIT Edisi Kedua ini. Semoga kita semua bersama keluarga sentiasa berada dalam keadaan sihat, tenang dan dalam perlindungan Allah SWT.

KOPLIT merupakan milik kita bersama. Justeru, kemajuan dan kekuatannya amat bergantung kepada sokongan, kepercayaan serta komitmen berterusan daripada seluruh anggota. Amalan mencarum secara konsisten, memanfaatkan skim bantuan dan perkhidmatan yang disediakan, serta berkongsi pandangan yang membina merupakan sumbangan penting dalam memperkukuh koperasi ini.

Insyaa-Allah, dengan kebersamaan dan sokongan semua anggota, KOPLIT akan terus berkembang sebagai koperasi yang berdaya maju serta mampu memberi manfaat yang lebih baik kepada seluruh anggotanya.

Semoga Allah SWT mempermudah urusan kita, memberkati usaha bersama ini dan terus mengurniakan kekuatan kepada kita dalam membangunkan KOPLIT demi kebaikan bersama.

Sekian, terima kasih.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Che Azizah binti Ismail

Ketua Biro Pendidikan dan Kebajikan KOPLIT
ALK KOPLIT



HEBAHAN KOPLIT

Info / Perkhidmatan KOPLIT

Hubungi Kami:
019 220 6244 (Hotline)

Agen Takaful dan Perbaharui Cukai Jalan

Stokis Negeri Produk HABBAT / HABBAT PLUS / Krim Nisstex

Perkhidmatan Latihan dan Pembangunan Diri, Keluarga dan Usahawan

Pembiayaan dan Perkhidmatan Kewangan, Kenderaan dan Produk

Imbas kod QR
untuk info



KEANGGOTAAN KOPLIT

Tiada Pertambahan keanggotaan dari Mei-Julai 2026

SUMBANGAN KEBAJIKAN

Sebanyak **RM 1,300.00** (Satu ribu, tiga ratus ringgit) telah diperuntukkan kepada sumbangan kebajikan anggota dari Mei-Julai 2026:

KOD SUMBANGAN	JENIS SUMBANGAN	BIL	JUMLAH (RM)
BKP 02	KEMASUKAN KE HOSPITAL	1	400
BKP 06	KEMASUKAN KE IPT	1	200
BKP 10	SUMBANGAN HARI LAHIR	14	700
JUMLAH		16	1,300

TAZKIRAH

وَالَّذِينَ جُهِدُوا فِيْنَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ

Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak ugama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredaan); dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah berserta orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya. (Surah Al-'Ankabut: 69)

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE 33

Mesyuarat ini telah berlangsung pada hari Ahad, 28 Jun 2026 di Dewan Kolej Teknologi Darul Naim Cawangan Kuala Lumpur (KTDKL), Bandar Baru Bangi. Mesyuarat telah dihadiri oleh 11 orang Ahli Lembaga Koperasi (ALK) dan 15 orang perwakilan serta pemerhati. Majlis telah dirasmikan oleh Dr Nik Mutasim Bin Haji Nik Ab Rahman, mantan Timbalan Pengerusi KOPLIT serta Penasihat HALUAN Putrajaya. Di antara isi kandungan ucapan beliau yang amat berkesan adalah berkenaan sikap kita terhadap kemewahan hidup. Mesyuarat bermula pada pukul 8.00 pagi dan berakhir pada pukul 11.30 pagi dengan jayanya. Terima kasih kepada semua yang terlibat.

Mesyuarat Agung Perwakilan telah bersetuju menerima dan meluluskan cadangan pertama iaitu setiap anggota perlu menyimpan 10% daripada simpanan luar ke dalam Akaun Simpanan Al-Wadiah di KOPLIT. Ini bertujuan untuk mengukuhkan dana koperasi, meningkatkan kecairan kewangan serta memperkasakan keupayaan koperasi dalam menyediakan manfaat dan perkhidmatan yang lebih baik kepada seluruh anggota.



CACATAN DUYUFURRAHMAN



Berikut adalah sedikit perkongsian sebagai ibrah kita bersama

Allah SWT telah menjemput kami menjadi tetamu-Nya di Tanah Suci menyempurnakan ibadah haji bagi tahun 1447H. Perjalanan yang bermula dengan pelbagai harapan, doa dan persiapan ini telah menjadi sebuah madrasah kehidupan yang mengajar erti kesabaran, keikhlasan, pengorbanan dan tawakal. Setiap langkah yang diatur, setiap air mata yang mengalir dan setiap doa yang dipanjatkan di bumi haram menjadi kenangan yang terlalu berharga untuk dilupakan.

Perjalanan Haji yang sebenar bermula apabila jutaan manusia bergerak menuju Masyair. Di Arafah, saya mula memahami hakikat sebenar Haji. Berada bersama jutaan manusia yang datang dari seluruh dunia mengingatkan saya kepada Padang Mahsyar. Dalam khemah yang dipenuhi jemaah, tidur menjadi tidak menentu. Ramai yang hanya dapat tidur-tidur ayam, namun tiada siapa merungut kerana semua tahu inilah kemuncak ibadah yang dinanti-nantikan.

Selepas Arafah, kami bergerak ke Muzdalifah. Di bawah langit terbuka, beralaskan sejadah dan bersandar untuk berehat beberapa jam, saya merasai pengalaman yang tidak pernah saya lalui sepanjang hidup. Tiada kemewahan, tiada keselesaan, hanya seorang hamba yang menyerahkan dirinya sepenuhnya kepada Allah SWT.

Dari Muzdalifah, perjalanan diteruskan ke Mina. Di sinilah ujian fizikal benar-benar bermula. Setiap hari selama lima hari, kami perlu berjalan kaki hampir 7 kilometer pergi dan balik untuk melontar di Jamrah. Dalam cuaca panas dan lautan manusia yang tidak pernah putus, setiap langkah memerlukan kesabaran yang tinggi. Akibat terlalu banyak berjalan, kaki terasa panas setiap malam. Pinggang pula mula sakit. Tidur menjadi tidak lena dan kadangkala hanya beberapa jam sahaja. Ada malam saya terjaga berkali-kali kerana keletihan dan kesakitan yang dirasai.

Seperti kebanyakan jemaah lain, saya juga diuji dengan batuk, selesema, kurang tidur dan keletihan yang berpanjangan. Ada ketika saya sampai ke titik paling rendah. Saya menangis sendirian kerana terlalu penat. Hati terasa ingin segera pulang ke tanah air. Ketika itu saya tidak nampak hikmah di sebalik ujian yang sedang dilalui.

Pada waktu itu saya menganggap ia satu kesukaran. Namun apabila direnung semula, saya mula memahami hikmah yang Allah aturkan. Tidur yang tidak lena itu sebenarnya membantu saya bangun lebih awal untuk bersiap menuju Masjidil Haram. Jika tidur terlalu lena, mungkin saya akan terlepas peluang berharga untuk solat Subuh berjemaah di hadapan Kaabah.

Haji Zainal Abidin bin Ahmad